

Media Title : Utusan Sarawak
Headline : Jenayah penipuan dalam talian terus 'SUBUR' ?
Date : 1 May 2023
Section : Rencana
Page : 9



Jenayah penipuan dalam talian terus 'SUBUR'?



HAMPIR setiap hari ada laporan atau berita tentang penipuan dalam talian atau 'scam' seperti love scam, parcel scam, macau scam, pelaburan, belian jualan dalam talian dan pinjaman wang tidak wujud.

Bagaimanapun, masih ramai yang tertipu atau termakan kata-kata manis, muslihat dan ugutan daripada pihak tidak bertanggungjawab terbabit.

Bayangkan, dari 2017 hingga 2021 sahaja, lebih 98,000 kes penipuan dalam talian dilaporkan melibatkan kerugian lebih RM3.3 billion di negara ini.

Bagi 2022 sahaja lebih 25,000 kes jenayah penipuan dalam talian dicatatkan membabitkan kerugian sekitar RM850 juta.

Kini, dengan segalanya berada di 'hujung jari' penipuan dalam talian semakin parah dengan jumlah kerugian melibatkan jutaan ringgit.

Lebih menarik, pendedahan oleh Ketua Pengarah Pusat Pencegahan Jenayah Kebangsaan Nasional (NFCC), Datuk Seri Mustafar Ali memberitahu antara faktor penyumbang kepada kegiatan itu ialah kewujudan akaun keldai atau lebih dikenali sebagai 'mule account'.

Faktor yang menyebabkan jumlah kerugian akibat sindiket penipuan dalam talian adalah kewujudan akaun keldai yang 'dibeli' dengan tawaran RM500 seorang kepada pemilik asal akaun itu untuk memindahkan wang haram.

Wang mangsa yang telah ditipu akan dimasukkan ke dalam akaun keldai dan akan dipindahkan ke beberapa akaun keldai lain sebelum akhirnya dikeluarkan dalam tempoh yang singkat menyebabkan ia sukar dijejaki.

Keldai akaun pula ialah individu yang menyerahkan kad mesin juruwang automatik (ATM) miliknya serta nombor pengenalan peribadi (PIN) kad tersebut kepada individu lain dan akaun tersebut pula digunakan bagi tujuan jenayah.

Selain itu, peningkatan kes turut didorong oleh penggunaan teknologi dan penipuan melalui media sosial serta kebocoran

maklumat pengguna.

Berkenaan penipuan melalui media sosial, 'scammer' atau sindiket penipuan akan menghubungi mangsa melalui media sosial seperti aplikasi WhatsApp dan Telegram selain menyamar sebagai kenalan atau pihak berkuasa melalui Facebook, Instagram, TikTok dan aplikasi lain.

Taktik terbaharu 'scammer' adalah mereka akan memberi pautan yang menyamar sebagai pautan laman bank atau meminta mangsa untuk memuat turun aplikasi bagi mendapatkan perkhidmatan mereka.

Mangsa seterusnya diminta mendedahkan maklumat peribadi termasuk maklumat perbankan yang akan menyebabkan akaun mangsa akan diceroboh oleh scammer dan akan menyebabkan mangsa kehilangan wang.

Kebanyakan jenayah penipuan dalam talian berlaku berlandaskan kepada latar belakang

mangsa contohnya 'macau scam' yang menyasarkan kepada individu mempunyai simpanan wang yang banyak, manakala penipuan e-dagang membabitkan pembeli dan penjual.

PENJENAYAH TIDAK TAKUT, SERIK?

Penolong Pengarah Siasatan Jenayah Telekomunikasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Superintenda Rozeni Ismail baru-baru ini berkata dari 2017 hingga 2021, lebih 30,000 individu ditahan dan daripada jumlah itu lebih 25,000 individu telah dituduh di mahkamah.

Kebanyakan mereka yang dituduh ini merupakan pemilik akaun keldai manakala selebihnya (mereka yang tidak dituduh) diletakkan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 antaranya dibuang daerah tertentu dalam satu tempoh masa tertentu.

Ramai juga yang telah

ditangkap dan diambil tindakan. Namun, jenayah penipuan dalam talian ini umpama barah terus merebak dan seperti tidak berpenghujung.

Kes terbaharu di Sarawak, seorang pesara kerajaan kerugian RM435,100 setelah menjadi mangsa penipuan pelaburan dalam talian.

Dalam kes terbabit, suspek telah menghantar satu dokumen PDF tentang pelaburan dalam Group WhatsApp Global yang menyebabkan mangsa tertarik. Mangsa kemudiannya telah diarahkan untuk membuat pelaburan dengan melakukan 15 transaksi pemindahan wang keseluruhannya sebanyak RM435,100. Yang menghairankan setelah 15 transaksi barulah mangsa sedar.

Disitulah kita melihat betapa liciknya pihak tidak bertanggungjawab ini. Itulah ada yang kata, kalau nombor pelik, tutup sahaja

telefon, jangan jawab.

JANGAN PANIK, SEMAK DULU

Orang ramai disarankan untuk membuat semakan senarai syarikat dan laman sesawang yang diberi kebenaran atau kelulusan di www.bnm.gov.my (BNM Telexlink 1-300-88-5465 (Bank Negara Malaysia) dan www.Sc.com.my / (603) 62048999 (suruhanjaya Sekuriti Malaysia) dan ada lagi yang lain, seperti Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997, muat turun aplikasi Whoscall, mengimbas kod QR Scan Me, juga boleh menghubungi Commercial Crime Investigation Department (CCID) Infoline di talian 013-211 1222 (WhatsApp/SMS). Orang ramai juga boleh membuat semakan nombor telefon dan akaun suspek melalui aplikasi 'Check Scammers CCID' atau melalui laman web <http://semakmule.rmp.gov.my>. —

sebelum membuat transaksi.